
Research article

**THE LEVEL OF SELF-ESTEEM AMONG NOVICE PHYSICAL EDUCATION
TEACHERS**

Thoheroh Haslina bt Che Hasan Sabri¹ & Tajul Arifin Bin Muhamad¹

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstract

Journal of Sports Science and Physical Education 5(1): 65-76, 2016 - The purpose of this study was to identify whether a novice teachers have a self-esteem while teaching physical education. This study access the level of self-esteem among novice teachers between gender and option teachers teach in physical education. This study is a quantitative research survey and this study design is selected using questionnaires based on Rosenberg self-esteem scale for collecting data. 30 novice physical education teachers have been selected from one of the schools in the district of Sepang, Selangor. 15 males and 15 female teachers were randomly selected from the target group. The data were analyzed using SPSS version 22.0 for frequency distribution, mean, standard deviation and independent sample t-test to measure the level of self-esteem of teachers with the dependent variable. The study found that there was no significant difference between the level of self-esteem between genders. While in terms of options, there are significant differences in the level of self-esteem for non-option physical education teachers. The self-esteem level among novice teachers are very important to enhance the quality of learning, especially in the subjects of physical education

Keywords: Rosenberg self-esteem, novice teacher, option, level of self-esteem, physical education.

TAHAP *SELF-ESTEEM* GURU NOVIS DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI

Abstrak

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti sama ada guru novis mempunyai *self-esteem* semasa mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Kajian ini untuk mengukur tahap *self-esteem* guru novis di antara jantina serta opsyen guru mengajar Pendidikan Jasmani. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang berbentuk tinjauan dan reka bentuk kajian ini dipilih menggunakan borang soal selidik yang dirujuk berdasarkan skala *Rosenberg Self-Esteem* bagi pengumpulan data. Seramai 30 orang guru novis Pendidikan Jasmani telah dipilih di salah sebuah sekolah daerah Sepang, Selangor. Kaedah pemilihan responden adalah secara rawak dalam kumpulan sasaran melibatkan seramai 15 orang guru perempuan dan 15 orang guru lelaki. Data ini dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 22.0 yang menggunakan kekerapan taburan, min, sisihan piawai dan ujian t tidak bersandar bagi mengukur tahap *self-esteem* guru dengan pemboleh ubah bersandar. Hasil kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap *self-esteem* guru novis dengan jantina. Manakala, dari segi opsyen, terdapat perbezaan yang signifikan tahap *self-esteem* guru bukan opsyen mengajar Pendidikan Jasmani. Kepentingan tahap *self-esteem* dalam kalangan guru novis amat penting dalam meningkatkan mutu pembelajaran terutamanya dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani.

Kata kunci: Rosenberg Self-esteem, guru novis, opsyen, tahap self-esteem, Pendidikan Jasmani.

Pengenalan

Sektor pendidikan amat penting dalam pembangunan setiap negara. Guru memainkan peranan yang penting dalam sektor pendidikan. Sekolah diibaratkan sebagai tempat jagaan bagi pelajar manakala guru merupakan arkitek kepada penentu masa hadapan pelajar dan *role model* kepada masyarakat. Untuk melahirkan produk yang baik, seorang guru perlu mempunyai *self-esteem* yang tinggi bagi memenuhi kehendak dan keperluan sosial. Seseorang guru yang mempunyai *self-esteem* yang tinggi juga dapat mempengaruhi keyakinan dan meningkatkan motivasi para pelajar, ini juga boleh menjadi satu faktor kepada kejayaan pelajar dalam bidang akademik (Baunmeister et al, 2003). Pembelajaran yang diberi oleh seorang guru akan memberi implikasi yang positif sekiranya ia dapat menarik perhatian para pelajar. Seseorang guru perlu menitikberatkan kecekapan sendiri kerana ianya merupakan salah satu elemen *self-esteem*. Seseorang yang mempunyai keyakinan tinggi tidak gentar akan kegagalan menurut Sheslow (2008) dan Wagner (2002). *Self-esteem* dalam kalangan guru perlu ada bagi memastikan pekerjaan seorang guru berada dalam tahap memuaskan dan dihargai.

Kepentingan kajian ini akan melihat tahap *self-esteem* guru yang merupakan gambaran kepada kejayaan dan kegagalan, penerimaan dan penolakan serta kekuatan atau kelemahan individu yang ditentukan oleh usaha seorang guru dan penerimaan seorang pelajar yang dipengaruhi oleh pelbagai pengalaman. Frey & Carlock (Siahaan, 2008) mengemukakan setiap individu mempunyai ciri-ciri *self-esteem* yang positif (tinggi) dan *self-esteem* yang negatif (rendah). *Self-esteem* tidak dapat di ukur ketika seseorang individu berada pada tahap bayi akan tetapi ia mula dapat dilihat sewaktu seseorang meningkat kepada kanak-kanak serta bergantung kepada persekitaran termasuklah keluarga yang menyebabkan mereka percaya pada diri sendiri dan kebolehan mereka (Coopersmith, 1967). Oleh itu, Rosenberg (1965) telah memperkenalkan *Rosenberg Self Esteem Scale* bagi mengukur tahap *self-esteem* individu dewasa. Pada peringkat dewasa, *self-esteem* seseorang mula bergantung kepada penilaian penyelia.

Coopersmith (Susanti, 2012) menjelaskan *self-esteem* ialah suatu evolusi atau hasil penilaian yang dilakukan oleh diri sendiri terhadap kemampuan yang dimiliki. Oleh itu, hal ini disokong oleh pengkaji Webster & Sobieszek (1974) serta Stanwyck (1983) yang mendapati seseorang yang mempunyai keyakinan *self-esteem* yang tinggi merupakan seseorang yang cekap dalam melakukan sesuatu tugas dan mereka juga menghiraukan penilaian orang lain terhadap mereka. Selain itu, mereka juga mempunyai satu sikap yang mendesak, suka meneroka sesuatu yang baharu sama ada ia merupakan satu peluang atau sebaliknya, dan mereka juga adalah seseorang yang beridentiti kreatif berbanding individu yang mempunyai *self-esteem* yang rendah, iaitu mereka lebih cenderung ke arah mengurangkan kerisauan mereka dengan menyembunyikan dan memencilkan diri dari sosial. Akibat dari itu, mereka telah menghadkan hubungan mereka dengan orang lain serta menjadi pendiam dan pasif (Rosenberg, 1965 dan Coopersmith, 1967).

Guru novis merupakan guru yang mengajar kurang dari lima tahun. Menurut pengkaji Hoy (1968); Zeichner,(1980), sikap guru berubah pada tahun pertama mengajar di mana ketika itu para guru menggunakan kaedah konservatif berbanding kaedah tradisional pada awal pra-

perkhidmatan mereka. Perubahan tingkah laku guru terjadi apabila wujudnya faktor persekitaran dan perubahan kepercayaan diri (Glickman & Tamashire, 1982; Hoy, 1969; Walberg, 1968). Walau bagaimanapun, *self-esteem* yang tinggi membantu para guru pada tahun pertama mengajar dengan lebih berkeyakinan (Hall & Hall, 1988). Selain itu, hubungan antara guru novis dan rakan kerja juga memberi kesan terhadap kerjaya ini. Interaksi di antara guru novis dan juga guru professional mempengaruhi kecekapan guru novis berbanding semasa guru novis berada dalam tempoh latihan (Covert, 1986). Walau bagaimanapun guru novis sering dianggap mempunyai tahap mengajar yang sama seperti guru professional, hal ini menyebabkan guru novis sering berada dalam keadaan emosi terganggu, kecewa dan sunyi pada tahun pertama mengajar (Houston & Felder, 1982).

Di sekolah, situasi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani (PJ) yang kurang menyebabkan guru bukan opsyen mengajar subjek Pendidikan Jasmani. Menurut, Julismah (2006), di mana 2.90% orang guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani dilaporkan mempunyai tahap keyakinan serta ilmu konten yang tinggi dalam Pendidikan Jasmani. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji tahap *self-esteem* guru bukan opsyen mengajar subjek Pendidikan Jasmani. Dalam konteks kajian, perkara seperti kekurangan keyakinan serta *self-esteem* merupakan punca atau faktor kebanyakan guru novis meninggalkan kerjaya professional mereka sebagai guru. Antara penyebab utama perkara ini terjadi adalah kerana pendapatan rendah, kurangnya sokongan dan juga kurang penghargaan kepada mereka. Oleh itu, kertas kajian ini dibuat untuk mengenal pasti adakah guru novis (mengajar bawah lima tahun) mempunyai *self-esteem* yang tinggi semasa mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani.

Metodologi Kajian

Sampel kajian

Kajian ini dijalankan dalam kalangan guru novis sekolah rendah di daerah Sepang, Selangor. Pengumpulan data dijalankan menggunakan borang soal selidik tahap *self-esteem* guru novis dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani sebanyak 30 orang. Sampel yang dipilih adalah secara rawak mengikut jantina dalam opsyen dan bukan opsyen Pendidikan Jasmani di sekolah rendah di daerah Sepang, Selangor. Sebanyak 40 borang soal selidik berjaya dikutip kembali daripada responden dan selepas proses penyemakan dilakukan, sebanyak 30 responden digunakan dalam analisis data di peringkat akhir.

Instrumen Kajian


Secara umum, item dalam soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A menggunakan analisis deskriptif yang mengandungi faktor-faktor demografi termasuklah jantina dan opsyen guru. Bahagian B menggunakan analisis t-test tidak bersandar yang mengandungi 10 item bertujuan untuk mengenal pasti tahap *self-esteem* opsyen dan bukan opsyen mengikut jantina yang diadaptasikan oleh *Rosenberg self-esteem* (kebolehpercayaan 0.70). Bahagian tersebut menyatakan darjah persetujuan mereka terhadap pernyataan yang

diberikan menggunakan 4 skala Guttman yang bermula dengan 1= sangat tidak setuju, 2= tidak setuju, 3= setuju, 4= sangat setuju. Kesemua item tersebut digabungkan dalam borang soal selidik dan ditadbirkan kepada semua subjek. Pengedaran dan pengutipan borang soal selidik dijalankan dengan bantuan pihak pengurusan sekolah. Instrumen ini dipilih kerana kesesuaiannya untuk mengenal pasti tahap *self-esteem* dalam kalangan guru novis. Terdapat tiga skala *self-esteem* yang diukur, untuk dijadikan rujukan iaitu skala rendah (0-15), skala normal (16-25) dan skala tinggi (26-30).

Dapatan Kajian

Jadual 1: Analisis ciri-ciri demografi responden mengikut jantina


	Kekerapan	Peratus	Peratus sah	Peratus Kumulatif
Lelaki	15	50.0	50.0	50.0
Perempuan	15	50.0	50.0	100.0
Jumlah	30	100.0	100.0	



Rajah 1: Peratusan ciri-ciri demografi responden mengikut jantina

Jadual 2: Analisis ciri-ciri demografi responden mengikut opsyen


	Kekerapan	Peratus	Peratus sah	Peratus Kumulatif
Guru Opsyen PJ	17	57	57	57
Bukan Opsyen PJ	13	43	43	100.0
Jumlah	30	100.0	100.0	



Rajah 2: Peratusan ciri-ciri demografi responden mengikut opsyen

Jadual 3: Analisis ciri-ciri demografi responden mengikut self-esteem

	Kekerapan	Peratus	Peratus sah	Peratus kumulatif
<i>Self-esteem</i> Rendah	3	10.0	10.0	10.0
<i>Self-esteem</i> Normal	14	46.7	46.7	56.7
<i>Self-esteem</i> Tinggi	13	43.3	43.3	100.0
Jumlah	30	100.0	100.0	



Rajah 3: Peratusan ciri-ciri demografi responden mengikut self-esteem

Tahap self-esteem melalui skala Rosenberg self-esteem melalui jantina

Jadual 4 menjelaskan analisis ujian t tidak bersandar bagi kategori jantina (N=30). Berdasarkan keputusan ujian t, mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lelaki dan wanita terhadap skala *Rosenberg self-esteem* yang dijelaskan seperti $t = .941$, $p = 0.35$ (Lelaki: $M = 25.2667$, Wanita: $M = 23.9333$). Hasil dapatan mendapati min skala *rosenberg self-esteem* bagi lelaki lebih tinggi berbanding min skala *Rosenberg self-esteem* wanita (Jadual 5).

Jadual 4: Analisis perbezaan min melalui ujian t bagi jantina melalui skala Rosenberg self-esteem

Ujian T Sampel Tak Bersandar

		Ujian Levene Untuk Persamaan varian		Ujian T Untuk Persamaan Min						
		F	sig	t	Df	Sig (2-tailed)	Perbezaan Min	Std. Perbezaan Ralat	95% Keyakinan Bagi Selang Perbezaan	
									Rendah	Tinggi
Mengikut Skala <i>Rosenberg Self-esteem</i>	Andaian Persamaan varian	210	.651	.941	28	.355	1.33333	1.41735	-1.56998	4.23665
	Bukan Andaian Persamaan Varian			.941	27.291	.355	1.33333	1.41735	-1.57338	4.24005

Jadual 5: Statistik deskriptif bagi jantina melalui skala Rosenberg self-esteem

Kumpulan Statistik					
	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Std. Ralat Min
Melalui Skala <i>Rosenberg self-esteem</i>	Laki	15	25.2667	3.55501	.091790
	Perempuan	15	23.9333	4.18273	1.07998

Tahap *self-esteem* melalui skala Rosenberg *self-esteem* melalui opsyen

Jadual 6 menjelaskan analisis ujian t tidak bersandar mengikut opsyen (N=30). Berdasarkan keputusan ujian t, mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara guru opsyen PJ dan bukan opsyen terhadap skala *Rosenberg self-esteem* yang dijelaskan seperti $t = 16.609$, $p = 0.00$ (Opsyen PJ: $M = 29.2353$, Opsyen bukan PJ: $M = 2.3077$). Hasil dapatan mendapati min skala *Rosenberg self-esteem* bagi guru opsyen PJ lebih tinggi berbanding min skala *Rosenberg self-esteem* guru opsyen bukan PJ (Jadual 7).

Jadual 6: Analisis perbezaan min melalui ujian t mengikut opsyen melalui skala Rosenberg self-esteem

Ujian T Sampel Tak Bersandar

		Levene's Test For Equality Of Variances		T-Test For Equality Of Means						
		F	sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. error difference	95% confidence interval of the difference	
									Lower	Upper
Through Rosenberg self-esteem scale	Equal variances assumed	6.989	.013	18.610	28	.000	26.92760	1.44691	23.96375	29.89146
	Equal variances not assumed			16.609	13.955	.000	26.92760	1.62128	23.44689	30.40831

Jadual 7: Statistik deskriptif mengikut opsyen melalui skala Rosenberg self-esteem

Kumpulan Statistik

	Opsyen	N	Min	Sisihan Piawai	Std. Ralat Min
Melalui Skala Rosenberg Self-esteem	Guru Opsyen PJ	17	29.2353	1.78639	.43326
	Guru Bukan Opsyen PJ	13	23.0777	5.63301	1.56232

PERBINCANGAN

Hasil perbincangan kajian ini bertujuan untuk melihat perbezaan tahap *self-esteem* guru novis dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani antara jantina. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap *self-esteem* dengan jantina dalam kalangan guru novis mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Oleh itu, dapatan kajian ini telah menyokong kajian yang dilakukan oleh Piirto (1999) dan Wu Tien Wu (2000) yang menyatakan bahawa jantina tidak mempengaruhi tahap *self-esteem* individu. Dapatan kajian ini adalah bertentangan dengan kajian Campbell & Clewell (1999) yang menyatakan bahawa faktor jantina amat berpengaruh dalam penyesuaian sosial dan psikologi pelajar.

Selain daripada itu, hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru opsyen dan bukan opsyen. Hasil kajian ini mendapati bahawa guru bukan opsyen di dapati tidak dapat melaksanakan pengajaran Pendidikan Jasmani dengan baik dan berkesan. Berdasarkan data yang diperolehi, didapati bahawa guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani kurang *self-esteem* mengendalikan pengajaran Pendidikan Jasmani. Keputusan ini adalah selaras dengan dapatan yang dilaporkan oleh Julismah (2006), di mana guru bukan opsyen mempunyai tahap *self-esteem* yang rendah dalam mengajar subjek Pendidikan Jasmani. Situasi yang sebaliknya pula dilaporkan dalam kalangan guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani di mana guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani mempunyai tahap *self-esteem* yang tinggi berbanding guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani.

Selain daripada itu, Julismah (2006) juga melaporkan bahawa guru bukan opsyen tidak mengajar subjek yang berkaitan dengan sukan semasa mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Keadaan ini telah menyebabkan pelajar di sekolah tertentu tidak mendapat ilmu berkaitan dengan pendidikan sukan yang sepatutnya dipelajari oleh mereka. Akibatnya, wujudlah halangan bagi menggalakkan pelajar ini untuk menyertai sukan secara sepenuhnya hasil daripada tiada atau kurang pendedahan awal yang diperolehi di sekolah. Keadaan ini sudah pasti akan merencatkan pencapaian matlamat Dasar Sukan Negara khususnya sukan massa. Sebaliknya bagi guru opsyen Pendidikan Jasmani, perjalanan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani didapati lebih tersusun dan seimbang.

KESIMPULAN

Umumnya, kajian ini telah menghasilkan maklumat yang penting mengenai aspek *self-esteem* guru novis Pendidikan Jasmani terhadap pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia umumnya perlu mengambil perhatian yang serius terhadap *self-esteem* guru novis sama ada berada di sekolah ataupun yang masih lagi dalam latihan perguruan. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia perlu merangka program jangka masa pendek dan jangka masa panjang berkaitan dengan *self-esteem* guru novis terutamanya guru mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Hasil kajian ini juga berguna kepada para penyelidik yang ingin mengkaji aspek *self-esteem* guru di Malaysia terutamanya guru mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Kajian yang bakal dijalankan nanti akan lebih bermakna dan dapat membantu meningkatkan lagi prestasi mata pelajaran Pendidikan Jasmani di negara ini.

IMPLIKASI KAJIAN

Hasil kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang berkaitan dengan pendidikan di sekolah terutamanya pihak yang terlibat dengan mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Pertama, guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani akan lebih yakin untuk mengajar mata pelajaran ini kerana dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap *self-esteem* dengan jantina dalam kalangan guru novis mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru opsyen dan bukan opsyen. Hasil kajian ini

mendapati bahawa guru bukan opsyen di dapati tidak dapat melaksanakan pengajaran Pendidikan Jasmani dengan baik dan berkesan. Berdasarkan data yang diperoleh, didapati bahawa guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani kurang *self-esteem* mengendalikan pengajaran Pendidikan Jasmani.

Selain itu, dapatan kajian ini boleh digunakan untuk pihak pengurusan sekolah dalam membantu guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Pihak pengurusan sekolah harus menyediakan kemudahan yang diperlukan oleh guru untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran serta mewujudkan suasana yang kondusif. Tindakan pihak pengurusan sekolah yang mengarahkan guru yang bukan opsyen Pendidikan Jasmani mengajar mesti dielakkan kerana ia akan mewujudkan tekanan kepada guru tersebut. Tahap *self-esteem* guru novis bukan opsyen ini juga rendah dan ini akan membantutkan lagi pencapaian matlamat pengajaran Pendidikan Jasmani. Sudah tentu mata pelajaran ini akan menjadi satu mata pelajaran yang tidak penting di mata masyarakat umum satu hari nanti.

RUJUKAN

- Baunmeister, R.F., Campbell, J.D., Krueger, J.I., & Vohs, K.D. (2003). Does high self-esteem cause better performance, interpersonal success, or healthier lifestyles? *Psychological Science in the Public Interest*, 4(1). Pp.1-44.
- Campbell, P.B., & Clewell, B.C (1999). Science, math, and girls... still a long way to go. *Education Week*, 19, 50-52.
- Coopersmith, S. (1967). The antecedents of self-esteem. San Francisco, CA:W. H. Freeman.
- Covert, J. R. (1986). A study of the quality of teaching of beginning teachers. *Paper presented at the annual conference of the Canadian Society for the Study of Education, Guelph, Ontario*. (ERIC Document Reproduction Service No. ED 273 604).
- Frey, D & Carlock, C.J. (1987). Enhancing Self-esteem. Ohio : Accelerated Development.
- Glickman, C. D., & Tamashire, R. T. (1982). A comparison of first-year, fifth-year, and former teachers on efficacy, ego development, and problem solving. *Psychology in the Schools*. 19.558-562.
- Hall, E., & Hall, C. (1988). Human relations in education. New York: Routledge.
- Houston, W. R., & Felder, B. (1982). Break horses, not teachers. *Phi Delta Kappan*. 63. 457-460.
- Hoy, W. (1968). The influence of experience on the beginning teacher. *The School Review*. 76. 312-323.
- Hoy, W. K. (1969). Pupil control ideology and organizational socialization: A further examination of the influence of experience on the beginning teacher. *School Review*. 77.257-265.
- Julismah (2006). Pendekatan Pengajaran, Gaya Belajar dan Jenis Penilaian dalam Mata Pelajaran Sains Sukan di Sekolah Menengah. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Piirto (1999). Implications of postmodern curriculum theory for the education of the talented. *Journal for the Education of the Gifted* 22 (4), 324-353.

- Rosenberg, M.(1965). *Society and the adolescent self-image*. Princeton, N.J. : Princeton University Press.
- Sheslow, D. (2008). *The Story on Self –Esteem @ 1995-2008*. The Nemours Foundation.pp,1,2
Student characteristics, and students aspirations in Ohio.
- Siahaan, G.T. (2008). *Hubungan Harga Diri Dengan Makna Hidup Pada Narapidana*. Skripsi Tidak Diterbitkan Universitas Sumatera Utara.
- Stanwyck, D. J. (1983). Self-esteem through the life span. *Family and Community Health*. 6 (8L 11-27.
- Susanti. (2012). Hubungan Harga Diri Dan Psychological Well-Being Pada Wanita Lajang Ditinjau Dari Bidang Pekerjaan. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Universitas Surabaya Vol .1 No. 1 Hal.1-8*.
- Wagner, R (2002). CNN interview on what is self-esteem on Lary King. More self-esteem.com.
- Walberg, H. J. (1968). Personality-role conflict and self-conception in urban practice teachers. *The School Review*. 7 6 .41-49.
- Webster, M., Jr., & Sobieszek, B. (1974). *Sources of self-evaluation a formal theory of significant others and social influences*. New York: John Wiley & Sons.
- Wu Tien Wu. (2000). Psychology. *Journal of psychology*.
- Zeichner, K. (1980). Myths and realities: Field-based experiences in preservice teacher education. *Journal of Teacher Education*. 21(6), 45-47.

✉ Thoheroh Haslina bt Che Hasan Sabri
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
No Tel: 013-5348841
Email: thoherohhaslina@yahoo.com